

13/10/1999

Bank boleh tentukan ketua: PM

Kadir Dikoh

KLANG, Selasa - Kerajaan membenarkan bank menentukan sendiri institusi kewangan yang akan mengetuai kumpulan teras perbankan yang bakal diwujudkan di bawah program penggabungan Bank Negara Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan penggabungan itu, sebaliknya bank diberi masa yang fleksibel untuk menyelesaikan proses berkenaan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), berkata MTEN turut memutuskan untuk mengkaji semula jumlah bank teras yang terbabit dalam penggabungan itu.

"Kita tidak terikat sepenuhnya kepada enam bank (enam kumpulan teras perbankan), mungkin lebih atau mungkin kurang. Kita boleh mengkaji semula mengenai siapa akan mengetuai dan tempoh masa penggabungan.

"Kita tidak mahu tergesa-gesa dalam perkara ini walaupun penasihat asing bebas mendesak kita melaksanakannya segera kerana kita prihatin terhadap industri perbankan," katanya merasmikan mesyuarat agung Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini, hari ini.

Sebelum ini, Bank Negara mencadangkan 21 bank komersil, 25 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar digabungkan kepada enam kumpulan teras perbankan, iaitu Malayan Banking Bhd (Maybank), Multi-Purpose Bank, Southern Bank, Bank of Commerce, Public Bank dan Perwira Affin Bank.

Bagaimanapun, baru-baru ini Dr Mahathir berkata lebih daripada enam kumpulan teras perbankan itu boleh muncul selepas penyatuan.

Berikutan itu, RHB Bank Bhd, Hong Leong Bank, Arab-Malaysian Bank Bhd dan Bank Utama (M) Bhd dikatakan mahu menarik diri daripada enam kumpulan perbankan teras, untuk menerajui industri dalam proses penggabungan itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memilih enam kumpulan teras `bukan kerana alasan yang sangat kuat tetapi kadang-kala kerajaan perlu menggertak masyarakat peniaga sebelum mereka sedar'.

Katanya, sektor perbankan sebelum ini mengambil ringan gesaan supaya bergabung, tetapi keadaan itu berubah apabila kerajaan mengumumkan hanya enam bank beroperasi selepas proses penyatuan industri perbankan.

"Sekarang ada reaksi, kita tahu apa masalahnya dan kita bersedia untuk bertolak ansur," katanya.

Pada sidang akhbaranya pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu membuat sesuatu yang boleh merosakkan sektor perbankan kerana keyakinan terhadap bank sangat penting.

"Jika keyakinan itu hilang, orang ramai akan mengeluarkan wang mereka (dari bank) dan sebagainya ... ini menimbulkan masalah besar dan kita tidak mahu itu berlaku," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan akan turut mengkaji semula sasaran 1 April tahun depan bagi bank memulakan perniagaan sebagai entiti penggabungan.

"Kita mempunyai masa sehingga April tahun depan, kita tidak akan terlalu ketat mengenainya ... mereka patut cuba dan memenuhi sasaran. Tetapi jika atas alasan tertentu mereka tidak boleh memenuhi sasaran itu, kita tidak akan menghentak mereka," katanya.

Ditanya bagaimana jika mereka tidak mahu lagi terikat dengan MoU itu dan ingin bergabung dengan bank lain, Dr Mahathir berkata kerajaan bersikap terbuka kepada sebarang cadangan.

Semua 58 bank terbabit sudah menandatangani memorandum persefahaman

(MoU) menjelang tarikh akhir diberi Bank Negara untuk berbuat demikian pada 30 September lalu.

Dr Mahathir berkata, MoU itu menandakan sudah ada komitmen di kalangan mereka untuk bergabung.

"Dulu tak ada komitmen. Tetapi kita ingin melihat bank kebangsaan, bukan Sabah Bank, Sarawak Bank, Perlis Bank.

"Jadi terpulang kepada mereka bagaimana melakukannya (penggabungan). Saya berharap mereka dapat memutuskannya secepat mungkin. Jika mereka gagal berbuat demikian, maka kerajaan akan terpaksa memutuskannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, bank yang tidak menerima senarai penggabungan yang dicadangkan juga mesti mempunyai alasan kukuh bagi menyokong penolakan itu.

Beliau juga berkata, dengan pengumuman pelan penggabungan itu, bank begitu sukar sekali mengeluarkan pinjaman kepada perniagaan terutama untuk industri kecil dan sederhana (IKS).

"Kesukaran ini disebabkan ketidaktentuan sama ada mereka akan bergabung dan siapa yang patut mengetuai dan disebabkan itu, mereka sukar mengeluarkan pinjaman. Sekarang penggabungan tidak disegerakan, maka mereka boleh mula memberi pinjaman," katanya.

(END)